

12 SEP 1998

Lim-Salomon

GERAKAN SOKONG PELANTIKAN SALOMON

KUALA LUMPUR, 12 Sept (Bernama) -- Parti Gerakan menyokong penuh pelantikan firma Salomon Smith Barney sebagai penasihat kewangan kerajaan membantu menyusun semula dan memodalkan semula sektor perbankan Malaysia.

Presidennya, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik berkata hari ini Gerakan yakin firma, yang berwibawa di peringkat antarabangsa, akan memberi nasihat yang wajar mengenai langkah-langkah untuk memulihkan ekonomi negara.

"Kami yakin penuh firma itu akan memberi maklumat yang wajar mengenai ekonomi Malaysia berasaskan kepada kajian mereka dan bukan bergantung kepada para penganalisa yang "hanya duduk dikerusi" yang mungkin mempunyai agenda mereka sendiri," katanya pada satu sidang berita selepas mempengerusikan jawatankuasa pusat gerakan di ibupejabat parti itu di sini.

Pada pandangan Gerakan, katanya, pelantikan firma berkenaan kena pada masanya kerana dengan kewibawaan antarabangsanya Salomon Smith Barney sudah tentu akan dapat memberi nasihat dan analisis yang betul kepada Malaysia serta menyalurkannya kepada masyarakat antarabangsa.

Khamis lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan pelantikan firma perunding pelaburan antarabangsa itu sebagai penasihat Danamodal Nasional Berhad dan juga untuk mereka bentuk dan melaksanakan program kewangan bagi memenuhi keperluan Malaysia untuk tempoh dua tahun.

Lim juga berkata Gerakan gembira kerana sebahagian masyarakat antarabangsa dan juga para penganalisis telah mula bersetuju dengan pendapat Dr Mahathir mengenai pedagang matawang.

"Beliau (Dr Mahathir) berseorangan selama ini dan malahan ada sesetengah rakyat Malaysia sendiri meragukan pendapatnya itu, tetapi sekarang kita tahu bahawa beliau benar," katanya.

Lim, yang juga Menteri Perusahaan Utama, menggesa rakyat memberi tumpuan yang lebih kepada usaha-usaha untuk memulihkan ekonomi negara dan tidak dialih kepada isu-isu lain.

"Kegawatan ekonomi adalah lebih berat daripada apa yang kita jangka dan ia akan berterusan untuk beberapa lama, tetapi kita boleh pulihkannya dengan cepat sekiranya rakyat memberi tumpuan membantu negara," katanya.

"Kami yakin dengan apapun keputusan yang dibuat oleh Perdana Menteri kerana kami percaya beliau membuatnya demi untuk negara. dan ini termasuk kawalan aliran modal yang diumumkan oleh kerajaan beberapa minggu lepas," katanya.

-- BERNAMA

WNZ WAT